

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIV

① Constructivism (Education)

② Malay language - study and teaching

PENGAPLIKASIAN PENDEKATAN KONSTRUKTIVISME DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

HASNITA BINTI MAHMUD

LAPORAN PROJEK AKHIR DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011

207713

| | |
|------------------------|--|
| PERPUSTAKAAN UPSI | |
| Nombor Perolehan T8688 | |
| Tarikh Perolehan | |
| Puncak | |
| Harga | |
| Bilangan Lembaran | |
| Nombor | |

PENGAKUAN

Saya mengaku Laporan Akhir Penyelidikan ini adalah hasil kajian saya kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

28.03.2011



Hasnita bt Mahmud
M20082000002





UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Saya akui bahawa saya telah membaca dan menyemak laporan projek ini dan pada pandangan saya laporan projek ini telah memenuhi skop dan kualiti yang diperlukan bagi tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu.

Tarikh:

28/3/11

Tandatangan:

Absen.

Nama Penyelia:

Abdullah Yusof

ABSTRAK

Kajian ini memberi tumpuan kepada pendekatan konstruktivisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu. Bahagian awal kajian ini mengandungi latar belakang kajian, masalah kajian iaitu merujuk perkara-perkara yang bakal dikaji, metodologi yang digunakan dan seterusnya penerangan berkenaan definisi konsep. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti pengaplikasian pendekatan konstruktivisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu di sebuah sekolah di daerah Gua Musang, Kelantan. Tumpuan kajian adalah kepada 5 (lima) aspek yang dinyatakan dalam Model Konstruktivisme 5-Fasa Needham. Fasa-fasa tersebut adalah fasa orientasi, fasa pencetusan idea, fasa penstrukturran semula idea, fasa penggunaan idea, dan fasa renungan kembali. Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran turut dimasukkan untuk menjelaskan lagi perkara ini. Kajian ini dibuat berdasarkan kaedah kuantitatif iaitu seramai 150 orang murid telah dipilih sebagai sampel kajian. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah satu set borang soal selidik yang terbahagi kepada 2 (dua) bahagian. Bahagian A adalah berkaitan latar belakang responden dan bahagian B pula berkaitan 25 item yang digunakan untuk menilai tahap pengaplikasian yang dibincangkan. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah *Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 17.0* dan dikemukakan dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Hasil kajian menunjukkan bahawa aspek-aspek konstruktivisme dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, fasa penstrukturran semula idea didapati berada pada tahap terendah. Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan juga telah dikemukakan untuk memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

ABSTRACT

This study focuses on constructivism concept of teaching and learning process. This study is inclusive of the background study, research problems that refer to the matters that will be conducted in this research, methodology and definitions of the concepts that are central to this study. This study was carried out to identify the status of the implementation of the constructivism concept of teaching and learning process in Bahasa Melayu in 1 (one) school at Gua Musang, Kelantan. This study focuses on 5 (five) aspects according to Needham's 5-Phase Constructivism Model. The phases are orientation, idea initiation, idea restructure, idea usage, and reflection. The literature review about constructivism concept of teaching and learning was explained in detailed. The quantitative methodology was used in this study and 150 students were selected as respondents for this study. A set of questionnaires that contained two parts was used as the instrument to conduct this study. The first part is regarding the respondent's personal background while the second part consists of 25 items for assessing the implementation of the above phases. The data collected was analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 17.0 and the data obtained is based on the frequency, percentage and mean. The result of this study shows that the concept of Constructivisme in learning and teaching Bahasa Melayu had been practiced. However, the idea restructure phase was identified at the lowest rate. Based on the findings, some suggestions were made to ensure that the objective of teaching and learning Bahasa Melayu is fully implemented.

KANDUNGAN

| | Muka Surat |
|--------------------|-------------------|
| PENGAKUAN | ii |
| PENGAKUAN PENYELIA | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| ABSTRACT | vi |
| KANDUNGAN | vii |
| SENARAI JADUAL | xi |
| SENARAI RAJAH | xii |
| SENARAI LAMPIRAN | xiii |

BAB 1 PENDAHULUAN

| | |
|---|----|
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 5 |
| 1.3 Penyataan Masalah | 7 |
| 1.4 Objektif Kajian | 8 |
| 1.5 Soalan Kajian | 9 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 9 |
| 1.7 Batasan Kajian | 11 |
| 1.7.1 Populasi Kajian | 11 |
| 1.7.2 Lokasi Kajian | 11 |
| 1.7.3 Tumpuan Kajian | 11 |
| 1.7.4 Alat Kajian | 12 |
| 1.8 Definisi Konsep | 12 |
| 1.8.1 Pengaplikasian | 12 |
| 1.8.2 Pendekatan Konstruktivisme | 12 |
| 1.8.2.1 Fasa Orientasi | 13 |
| 1.8.2.2 Fasa Pencetusan Idea | 13 |
| 1.8.2.3 Fasa Penstrukturran Semula Idea | 13 |

| | | |
|---------|-----------------------|----|
| 1.8.2.4 | Fasa Penggunaan Idea | 14 |
| 1.8.2.5 | Fasa Renungan Kembali | 14 |
| 1.8.3 | Pengajaran | 14 |
| 1.8.4 | Pembelajaran | 15 |
| 1.8.5 | Bahasa Melayu | 15 |
| 1.9 | Kesimpulan | 15 |

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

| | | |
|-------|--|----|
| 2.1 | Pengenalan | 17 |
| 2.2 | Kurikulum Bahasa Melayu | 19 |
| 2.3 | Pendekatan Konstruktivisme | 19 |
| 2.3.1 | Definisi Konstruktivisme | 21 |
| 2.3.2 | Kajian Lepas | 23 |
| 2.3.3 | Rumusan | 24 |
| 2.4 | Model Konstruktivisme 5-Fasa Needham | 25 |
| 2.5 | Persekutaran Pengajaran dan Pembelajaran Secara Tradisional dan Secara Konstruktivisme | 27 |
| 2.5.1 | Persekutaran Pengajaran dan Pembelajaran Secara Tradisional | 28 |
| 2.5.2 | Persekutaran Pengajaran dan Pembelajaran Secara Konstruktivisme | 30 |
| 2.6 | Pendekatan Pembelajaran Secara Konstruktivisme | 31 |
| 2.7 | Peranan Guru dan Murid dalam Pembelajaran Konstruktivisme | 35 |
| 2.8 | Kelebihan Pembelajaran Secara Konstruktivisme | 37 |
| 2.9 | Kesimpulan | 39 |

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-----|------------------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan | 41 |
| 3.2 | Latar Belakang Tempat Kajian | 42 |
| 3.3 | Reka Bentuk Kajian | 42 |
| 3.4 | Populasi dan Sampel Kajian | 44 |
| 3.5 | Instrumen Kajian | 45 |

| | | |
|-------|------------------------------------|----|
| 3.6 | Kesahan Instrumen Kajian | 47 |
| 3.7 | Kajian Rintis | 48 |
| 3.8 | Penganalisisan Data | 48 |
| 3.9 | Prosedur Kajian | 50 |
| 3.9.1 | Perbincangan Bersama-sama Penyelia | 51 |
| 3.9.2 | Membuat Rujukan | 51 |
| 3.9.3 | Menyediakan Kertas Soal Selidik | 52 |
| 3.9.4 | Pengumpulan Data | 52 |
| 3.9.5 | Menulis Laporan Kajian | 53 |
| 3.10 | Kesimpulan | 53 |

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

| | | |
|-------|---|----|
| 4.1 | Pengenalan | 54 |
| 4.2 | Keputusan Analisis Bahagian A | 55 |
| 4.2.1 | Taburan Responden Berdasarkan Aliran Kelas | 55 |
| 4.2.2 | Taburan Responden Berdasarkan Jantina | 56 |
| 4.2.3 | Taburan Responden Berdasarkan Agama | 57 |
| 4.2.4 | Taburan Responden Berdasarkan Bangsa | 58 |
| 4.3 | Keputusan Analisis Bahagian B | 59 |
| 4.3.1 | Pengaplikasian Fasa Orientasi | 59 |
| 4.3.2 | Pengaplikasian Fasa Pencetusan Idea | 62 |
| 4.3.3 | Pengaplikasian Fasa Penstruktur Semula Idea | 64 |
| 4.3.4 | Pengaplikasian Fasa Penggunaan Idea | 66 |
| 4.3.5 | Pengaplikasian Fasa Renungan Kembali | 69 |
| 4.4 | Analisis Keseluruhan Kategori | 71 |
| 4.5 | Kesimpulan | 73 |

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

| | | |
|-------|-------------------------------------|----|
| 5.1 | Pengenalan | 75 |
| 5.2 | Rumusan | 76 |
| 5.3 | Perbincangan Kajian | 76 |
| 5.3.1 | Pengaplikasian Fasa Orientasi | 77 |
| 5.3.2 | Pengaplikasian Fasa Pencetusan Idea | 77 |

| | |
|---|----|
| 5.3.3 Pengaplikasian Fasa Penstruktur Semula Idea | 78 |
| 5.3.4 Pengaplikasian Fasa Penggunaan Idea | 79 |
| 5.3.5 Pengaplikasian Fasa Renungan Kembali | 79 |
| 5.4 Cadangan | 79 |
| 5.5 Cadangan Kajian Lanjutan | 80 |
| 5.6 Kesimpulan | 81 |
| | |
| BIBLIOGRAFI | 82 |
| | |
| LAMPIRAN | 86 |

SENARAI JADUAL

| Jadual | Tajuk | Muka Surat |
|---------------|--|-----------------------|
| 1.1 | Perbandingan Model dan Strategi Pengajaran-Pembelajaran | 2 |
| 2.1 | Perbandingan Pendekatan Konstruktivisme dan Pendekatan Tradisional | 27 |
| 3.1 | Senarai Kelas dan Bilangan Responden Kajian | 44 |
| 3.2 | Taburan Nombor Item Mengikut Aspek Yang Dikaji | 46 |
| 3.3 | Skala Likert Lima Mata | 46 |
| 3.4 | Kategori Skala Likert Lima Peringkat | 49 |
| 3.5 | Pengkelasan Tahap Markat Skor Min | 50 |
| 4.1 | Bilangan Responden Berdasarkan Aliran Kelas | 55 |
| 4.2 | Bilangan Responden Berdasarkan Jantina | 56 |
| 4.3 | Bilangan Responden Berdasarkan Agama | 57 |
| 4.4 | Bilangan Responden Berdasarkan Bangsa | 58 |
| 4.5 | Nilai Min dan Peratusan Setiap Item bagi Pengaplikasian Fasa Orientasi | 59 |
| 4.6 | Nilai Min dan Peratusan Setiap Item bagi Pengaplikasian Fasa Pencetusan Idea | 62 |
| 4.7 | Nilai Min dan Peratusan Setiap Item bagi Pengaplikasian Fasa Penstruktur Semula Idea | 64 |
| 4.8 | Nilai Min dan Peratusan Setiap Item bagi Pengaplikasian Fasa Penggunaan Idea | 66 |
| 4.9 | Nilai Min dan Peratusan Setiap Item bagi Pengaplikasian Fasa Renungan Kembali | 69 |
| 4.10 | Analisis Keseluruhan Kategori | 71 |

SENARAI RAJAH

| Rajah | Tajuk | Muka Surat |
|--------------|--|-----------------------|
| 2.1 | Model Konstruktivisme 5-Fasa Needham | 27 |
| 2.2 | Ciri-Ciri Pembelajaran Secara Konstruktivisme | 35 |
| 2.3 | Kelebihan Pembelajaran Secara Konstruktivisme | 38 |
| 4.1 | Bilangan Responden Berdasarkan Aliran Kelas | 55 |
| 4.2 | Bilangan Responden Berdasarkan Jantina | 56 |
| 4.3 | Bilangan Responden Berdasarkan Agama | 57 |
| 4.4 | Bilangan Responden Berdasarkan Bangsa | 58 |
| 4.5 | Nilai Min dan Peratusan Setiap Item bagi Pengaplikasian Fasa Orientasi | 61 |
| 4.6 | Nilai Min dan Peratusan Setiap Item bagi Pengaplikasian Fasa Pencetusan Idea | 63 |
| 4.7 | Nilai Min dan Peratusan Setiap Item bagi Pengaplikasian Fasa Penstruktur Semula Idea | 65 |
| 4.8 | Nilai Min dan Peratusan Setiap Item bagi Pengaplikasian Fasa Penggunaan Idea | 68 |
| 4.9 | Nilai Min dan Peratusan Setiap Item bagi Pengaplikasian Fasa Renungan Kembali | 70 |
| 4.10 | Analisis Keseluruhan Kategori | 73 |

SENARAI LAMPIRAN

| Lampiran | Tajuk | Muka |
|-----------------|--|--------------|
| | | Surat |
| A | Borang Soal selidik | 86 |
| B | Surat Kebenaran Kementerian Pelajaran Malaysia | 91 |
| C | Jadual Penentuan Saiz Sampel Berdasarkan Populasi Kreicie, R.V.& Morgan, D.W.(1970) | 93 |

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan mempunyai matlamat memperkembangkan fungsi murid secara menyeluruh dan bersepada bagi mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani supaya mereka dapat menjalani kehidupan seharian mereka dengan berkesan dan penuh tanggungjawab. Bagi mencapai matlamat ini, guru perlu mempunyai kemahiran memilih kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan bijaksana supaya kaedah yang dipilih itu sesuai dengan murid-murid yang pelbagai kebolehan dan minat.

Keberkesanan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran amat bergantung kepada kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan. Guru perlu memilih dan menggunakan kaedah yang paling sesuai bagi membantu murid-murid dan dirinya sendiri bagi mencapai objektif pengajaran yang dirancangkan.

Menurut Esah Sulaiman (2003), pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran boleh digunakan seperti pendekatan berpusatkan guru, pendekatan berpusatkan murid, dan pendekatan berpusatkan bahan. Pemilihan dan perancangan

guru dalam menentukan pendekatan, kaedah, teknik, dan aktiviti dalam sesuatu pengajaran untuk mencapai objektif adalah yang dikatakan strategi pengajaran. Jadual 1.1 menunjukkan beberapa ringkasan perbandingan mengenai model dan strategi pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 1.1: Perbandingan Model dan Strategi Pengajaran-Pembelajaran

| Perkara | Pengajaran Langsung | Pembelajaran Koperatif | Pembelajaran Penyelesaian Masalah | Perbincangan | Strategi Pembelajaran |
|------------------------|---|--|---|--|---|
| Fahaman Teori | Psikologi tingkah laku; teori pembelajaran sosial | Teori pembelajaran sosial; Teori konstruktivisme | Teori kognitif; Teori interaksi sosial | Teori kognitif; Teori interaksi sosial | Teori pemprosesan maklumat |
| Pelopor Utama | Bandura; Hunter | Dewey; Vygotsky; Slavin | Dewey; Vygotsky | Bruner; Cazden; Vygotsky | Bruner; Ausubel; Vygotsky |
| Hasil Pengajaran | Penerangan pengetahuan asas; kemahiran akademik | Kemahiran akademik dan sosial | Kemahiran akademik dan inkuiri | Kemahiran berbincang dan berfikir | Kemahiran kognitif dan metakognitif |
| Kaedah Pengajaran | Bahan pembentangan dan demonstrasi yang jelas dan objektif tingkah laku | Kerja kumpulan dengan manfaat koperatif dan struktur tugas | Projek berdasarkan inkuiri yang dilaksanakan dalam kumpulan | Perbincangan dalam kumpulan | Pengajaran eksplisit, pengajaran dua hala |
| Ciri-Ciri Persekitaran | Struktur yang erat; berpusatkan guru | Fleksibel, demokrasi, pengajaran berpusatkan murid | Fleksibel, pengajaran berpusatkan inkuiri | Refleksi, penekanan terhadap perbualan terbuka | Refleksi, penekanan terhadap cara belajar |

(Sumber: Terjemahan daripada: Arends, R.I., 1997. *Classroom Instruction and Management*, hal.12).

Merujuk penjelasan di atas, salah satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang boleh digunakan ialah pendekatan pembelajaran Konstruktivisme. Pembelajaran secara konstruktivisme adalah satu pandangan baharu tentang ilmu pengetahuan. Pembentukan pengetahuan baharu tersebut lahir daripada gabungan pembelajaran yang terdahulu dengan persekitaran semasa. Bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran, guru merekabentuk situasi pembelajaran iaitu murid boleh mencipta penyelesaian mereka sendiri terhadap tugas pembelajaran tersebut.

Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (2001), pembelajaran konstruktivisme ini bertitik tolak daripada teori pembelajaran Behaviorisme yang didokong oleh B.F.Skinner yang mementingkan perubahan tingkah laku ke atas

murid. Sesuatu pembelajaran dianggap berlaku apabila terdapat perubahan tingkah laku kepada murid, contohnya daripada tidak tahu kepada tahu. Hal ini kemudiannya beralih kepada teori pembelajaran Kognitivisme yang diperkenalkan oleh Jean Piaget iaitu idea utama pandangan ini adalah mental. Semua idea dan imej dalam minda individu diwakili melalui struktur mental dikenali sebagai skema yang akan menentukan cara data dan maklumat yang diterima difahami oleh manusia. Jika idea tersebut sesuai dengan skema, idea ini akan diterima begitu juga sebaliknya dan seterusnya lahirlah teori pembelajaran Konstruktivisme yang merupakan pandangan terbaru iaitu pengetahuan akan dibina sendiri oleh murid berdasarkan pengetahuan sedia ada mereka.

Pembelajaran secara konstruktivisme ini boleh didefinisikan sebagai satu fahaman bahawa murid membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Lev Vygotsky, seorang ahli psikologi Rusia percaya bahawa murid yang bijak adalah individu yang berhadapan dengan benda baharu dan menggunakan pengalaman serta mereka bersungguh-sungguh untuk menghuraikan kelainan berdasarkan pengalaman-pengalaman tersebut.

Mengikut Sushkin, N. (1999), beliau menyatakan bahawa teori Konstruktivisme ini memerlukan penekanan diberikan kepada murid lebih daripada guru. Hal ini demikian kerana muridlah yang berinteraksi dengan bahan dan peristiwa serta memperoleh kefahaman tentang bahan dan peristiwa tersebut. Murid membina sendiri konsep dengan membuat penyelesaian kepada masalah. Autonomi dan inisiatif murid hendaklah diterima dan digalakkan.

Menurut Borich dan Tombori (1995), pendekatan konstruktivisme ialah '*an approach to learning in which learners are provided the opportunity to construct their own sense of what is being learned by building internal connections or relationship among the ideas and facts being taught*'.

Duckworth (1987) pula mendefinisikan konstruktivisme sebagai '*Meaning is not given to us in our encounters, but it is given by us, constructed by us, each in our own way, according to how our understanding is currently organized*'. Daripada

kenyataan yang diberikan dapat menjelaskan bahawa murid dapat membina kefahaman baharu dan harus memainkan peranan aktif semasa penerokaan baharu.

Berdasarkan kepada pandangan-pandangan di atas, maka pengertian pembelajaran secara konstruktivisme boleh dirumuskan sebagai satu fahaman bahawa murid membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Dalam proses ini, murid akan menyesuaikan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baharu.

Selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu ialah mata pelajaran teras di semua sekolah rendah dan menengah. Bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan rakyat di Malaysia. Pendidikan Bahasa Melayu berhasrat membina rasa bangga terhadap bahasa yang mencerminkan akal budi dan pemikiran rakyat, juga berperanan sebagai pemangkin kepada semangat cinta akan tanah air yang dikongsi bersama oleh semua rakyat dalam satu wawasan. Pendidikan Bahasa Melayu mempunyai potensi untuk dimartabatkan dan diperluas ke peringkat antarabangsa khususnya menerusi teknologi maklumat dan komunikasi.

Kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah bertujuan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani, dan jasmani. Kurikulum Bahasa Melayu menyediakan murid menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa secara betul dan tepat. Murid mampu mengungkapkan bidang ilmu daripada pelbagai disiplin atau mata pelajaran di samping mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah merangkumi tiga bidang penggunaan bahasa, iaitu Bidang Interpersonal, Bidang Maklumat, dan Bidang Estetik. Penumpuan pada bidang-bidang ini membolehkan murid menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dalam kehidupan harian, bidang pekerjaan, dan sebagai bahasa ilmu untuk pembelajaran seumur hidup. Di samping itu, komponen kesusastraan Melayu diharapkan dapat memupuk minat membaca dan melahirkan kenikmatan membaca serta penghayatan terhadap bahan sastera. Pendidikan Bahasa Melayu juga memberikan pertimbangan terhadap pelbagai gaya pembelajaran, minat, dan kecerdasan yang berbeza antara satu sama lain dalam kalangan murid dengan menekankan pembelajaran masteri dan penerapan kemahiran bernilai tambah. Aktiviti kokurikulum yang dijalankan di luar waktu sekolah adalah penting sebagai sokongan untuk memantapkan ilmu dan pengalaman pembelajaran di bilik darjah.

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Lima menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pendekatan berpusatkan murid serta kepelbagaian teknik dan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun, dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharapkan dapat memberikan penekanan pada unsur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran kontekstual, dan pembelajaran konstruktivisme. Di samping itu, nilai murni, semangat patriotik, dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberikan keyakinan kepada murid dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Lima juga menggariskan hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid berdasarkan pendekatan masteri. Hasil pembelajaran tersebut dinyatakan secara eksplisit mengikut aras kesukaran isi kandungan dan tahap keupayaan murid melalui penyataan dalam Huraian Hasil

Pembelajaran. Penyataan tersebut memberikan cabaran yang sesuai dengan murid dalam pendidikan sekolah menengah agar dapat melahirkan murid yang berketerampilan menggunakan bahasa Melayu baku dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berdasarkan pengetahuan pada abad ke-21.

Brooks, J.G. dan Brooks, M.G. (1995), menyatakan bahawa persekitaran bilik darjah berdasarkan pendekatan konstruktivisme harus dibina iaitu idea dan pendapat murid mesti dihargai, aktiviti dalam kelas perlu mencabar minda murid, guru menimbulkan permasalahan yang berkaitan dengan pembelajaran kepada murid, pengajaran dan pembelajaran dibina berdasarkan konsep asas dan utama serta pengajaran dan pembelajaran dinilai dalam konteks pengajaran dan pembelajaran harian.

Walaupun terdapat pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran yang dicadangkan oleh kementerian, namun masih belum terdapat satu strategi, pendekatan, kaedah atau teknik tertentu yang paling sesuai digunakan dalam situasi pengajaran dan pembelajaran hari ini. Biarpun keberkesanan pendekatan konstruktivisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerap dikenalpasti dan diperkatakan, namun pengaplikasian dan pengamalan pendekatan konstruktivisme dalam kalangan guru-guru di Malaysia secara amnya adalah masih kurang. Guru harus sedar tentang strategi pengajarannya dan perlu berfikir tentang cara untuk meningkatkan proses pengajarannya.

Hasil daripada pengamatan dan perbincangan dengan guru-guru Bahasa Melayu SMK Bandar Chiku, didapati bahawa pengaplikasian pendekatan konstruktivisme dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ini menghadapi pelbagai masalah dalam pelaksanaannya. Antara masalah yang telah dikenalpasti ialah murid sukar mengeluarkan idea sendiri dan terlalu bergantung kepada guru semata-mata di samping kemahiran belajar yang rendah dalam kalangan murid terutamanya dalam menghasilkan penulisan atau karangan.

Selain daripada itu, masalah lain yang wujud ialah kesukaran murid untuk menguasai isu-isu yang memerlukan asas pengetahuan yang tinggi. Hal ini

menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi kurang berkesan. Jikalau situasi pembelajaran tidak menarik, kaedah dan strategi pengajaran guru yang tidak bersesuaian dengan tahap kognitif atau keperluan murid, maka akan menyukarkan guru menyalurkan ilmu kepada murid. Kaedah pembelajaran yang kurang cekap akan menyebabkan proses pembelajaran menjadi kurang efektif.

1.3 Penyataan Masalah

Pendekatan Konstruktivisme bukanlah satu pendekatan yang baharu dalam bidang pendidikan malah telah lama dipraktikkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya Sains KBSM. Prinsip-prinsip yang terdapat dalam pendekatan ini sebenarnya boleh diterapkan dalam mata pelajaran lain juga. Hal ini demikian kerana dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara konstruktivisme, murid membina struktur pengetahuan mereka sendiri dan pengkaji melihat bahawa Konstruktivisme ini merupakan satu kaedah terbaik yang boleh diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu juga. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat aplikasi konstruktivisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu, khususnya karangan.

Menurut Idris Mohd Radzi (2006), kelemahan murid dalam kemahiran menulis banyak bergantung kepada salah tanggap guru terhadap konsep pengajaran karangan itu sendiri. Dalam amalan biasa, guru memperuntukkan dua masa dalam jadual waktu mingguan untuk mengajarkan kemahiran menulis karangan. Alasan yang diberi ialah dua masa sesuai untuk mengajarkan karangan. Berdasarkan soalan karangan yang disediakan guru, murid akan dibimbing untuk menyiapkan karangan dalam dua masa tersebut. Pada kebiasaan masa yang diperuntukkan tidak mencukupi dan murid diarah menyiapkan karangan di rumah dan dihantar pada keesokan harinya. Ini bermakna hubungan antara guru sebagai pembimbing dengan murid sebagai orang yang dibimbing terputus. Scenario ini berlarutan dan tidak pernah ditangani dengan wajar. Alasan yang diberi, masa selebihnya telah diperuntukkan untuk mengajarkan

rumusan, bacaan dan kefahaman, tatabahasa, komsas, dan kemahiran lain yang diperlukan untuk peperiksaan.

Berdasarkan laporan daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia (2001), tahap penguasaan penulisan Bahasa Melayu agak lemah. Murid-murid tersebut bukan sahaja gagal untuk menghasilkan bentuk penulisan yang jitu dan kukuh dari segi isi tetapi bentuk organisasi idea juga longgar dan menampakkan kurangnya kemahiran menulis dalam kalangan mereka. Karangan murid yang diperiksa masih terdapat banyak kelemahan kerana terlalu menekankan produk dan bukannya proses.

Laporan prestasi SPM 1991 Bahasa Melayu (KPM/LPM, 1992) khususnya karangan, mempamerkan kedangkalan murid membentangkan idea (isi). Kekurangan isi amat ketara dan murid juga gagal mengembangkan isi, iaitu tidak dihuraikan dengan jelas dan tepat, malahan berulang-ulang. Selain itu, murid membincangkan isu yang boleh dipertikai perkaitannya dengan kehendak soalan. Sekiranya proses mengarang diutamakan, karangan murid akan lebih berkualiti kerana pengaplikasian pendekatan konstruktivisme memainkan peranan di peringkat pramengarang. Melalui kajian ini, masalah dalam penulisan karangan cuba diselesaikan dengan mencadangkan pendekatan konstruktivisme sebagai salah satu alternatif dalam pengajaran karangan.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti aplikasi fasa orientasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu.
2. Mengenal pasti aplikasi fasa pencetusan idea dalam proses pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu.
3. Mengenal pasti aplikasi fasa penstrukturran semula idea dalam proses pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu.

4. Mengenal pasti aplikasi fasa penggunaan idea dalam proses pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu.
5. Mengenal pasti aplikasi fasa renungan kembali dalam proses pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu.

1.5 Soalan Kajian

Kajian ini dilakukan bertujuan mendapatkan jawapan bagi beberapa soalan seperti berikut:

1. Apakah fasa orientasi diaplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu?
2. Apakah fasa pencetusan idea diaplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu?
3. Apakah fasa penstrukturkan semula idea diaplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu?
4. Apakah fasa penggunaan idea diaplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu?
5. Apakah fasa renungan kembali diaplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu?

1.6 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa kepentingan kajian ini, antaranya:

1. Kajian mengenai pendekatan konstruktivisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu khususnya pengajaran karangan ini bukan sahaja memberi kepentingan kepada guru yang mengajar Bahasa Melayu dalam memperkemas mutu pengajarannya malah mendatangkan kesan yang positif terhadap peningkatan prestasi pembelajaran dalam kalangan murid. Murid-murid pada hari ini sering mengharapkan sesuatu yang menarik,

berkesan dan tidak membebankan. Dengan mengetahui aspek yang memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keberkesanan proses pembelajaran Bahasa Melayu, maka murid akan menjadi lebih prihatin dan bertindak lebih cepat untuk merancang matlamat pendidikan mereka. Mereka akan lebih yakin terhadap diri sendiri semasa menghasilkan penulisan atau karangan.

2. Guru-guru pula boleh mengambil manfaat dengan membuat pemantauan diri terhadap peranan mereka sebagai seorang penyampai ilmu pengetahuan agar setiap pengajaran benar-benar dirancang dan dapat membawa faedah kepada murid-murid. Kajian ini juga dapat digunakan sebagai panduan oleh guru bagi memantapkan pengajaran mereka.
3. Kajian ini juga berupaya membantu pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dalam mengenal pasti tahap aplikasi pendekatan konstruktivisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil daripada ujian ini dapat dijadikan panduan bagi menjalankan aktiviti atau kursus-kursus yang bersesuaian kepada para pendidik.
4. Kajian ini diharap dapat membantu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam usaha menggubal semula sukatan mata pelajaran Bahasa Melayu dengan memberi penekanan kepada penerapan aspek-aspek konstruktivisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah kelak.

1.7 Batasan kajian

Kajian yang dijalankan ini terhad kepada batasan kajian seperti berikut:

1.7.1 Populasi Kajian

Kumpulan sasaran yang menjadi responden kepada kajian ini terdiri daripada murid tingkatan lima di sebuah sekolah di daerah Gua Musang, Kelantan. Jumlah keseluruhan murid tingkatan lima ialah 248 orang dan seramai 150 orang murid telah dipilih menjadi responden. Jumlah tersebut bersesuaian berdasarkan jadual penentuan saiz sampel dan populasi Kreicie, R.V. dan Morgan, D.W. (rujuk lampiran C).

1.7.2 Lokasi Kajian

Kajian ini melibatkan sebuah sekolah sahaja di daerah Gua Musang dan responden terdiri daripada murid tingkatan lima sahaja. Kertas soal selidik akan diedarkan di dalam kelas bagi memudahkan responden menjawab soalan soal selidik yang diberikan.

1.7.3 Tumpuan Kajian

Tumpuan kajian adalah terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu amnya dan pengaplikasian pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu khususnya. Data-data dikumpul berdasarkan kepada jawapan responden terhadap item-item dalam soal selidik yang diedarkan.

1.7.4 Alat Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan. Alat yang digunakan ialah kertas soal selidik. Kertas soal selidik akan diberikan kepada responden dan mereka menjawab soal selidik tersebut di dalam kelas. Pengkaji juga akan turut berada bersama responden semasa soal selidik diedarkan dan dijawab oleh responden.

1.8 Definisi Konsep

Dalam kajian ini beberapa konsep penting akan digunakan:

1.8.1 Pengaplikasian

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), pengaplikasian bermaksud perihal atau perbuatan mengaplikasikan sesuatu. Berdasarkan kajian ini, pengaplikasian yang dimaksudkan ialah mengaplikasikan pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu.

1.8.2 Pendekatan Konstruktivisme

Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (2001), konstruktivisme merupakan satu fahaman bahawa murid membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Dalam proses ini, murid akan menyesuaikan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baharu.